Menggalakkan Perkhidmatan Pembayaran dan Pengiriman Wang yang Selamat dan Cekap

Bank Negara Malaysia (BNM) komited untuk terus memastikan ekosistem pembayaran yang berdaya tahan dan kondusif serta memenuhi keperluan rakyat Malaysia yang semakin berkembang.

Pada tahun 2023, BNM terus memacu inovasi dan kecekapan yang lebih berkesan dalam sistem pembayaran serta industri perniagaan perkhidmatan wang (*money services business*, MSB)[1] di Malaysia. Pada masa yang sama, BNM juga terus berusaha untuk mengekalkan kestabilan dan keyakinan orang ramai terhadap perkhidmatan pembayaran. Dalam melaksanakan usaha ini, BNM mengambil pelbagai langkah bagi meningkatkan penggunaan pembayaran elektronik (e-pembayaran). Usaha ini telah mengekalkan pertumbuhan penggunaan e-pembayaran yang kukuh dalam kalangan isi rumah dan perniagaan. BNM juga memperuntukkan sumber yang besar ke arah memperteguh infrastruktur pembayaran utama untuk persediaan masa hadapan serta menambah baik rangka kerja pengawalan dan penyeliaan.

Mengekalkan Pertumbuhan Pendigitalan Perkhidmatan Pembayaran dan MSB

Penggunaan e-pembayaran terus meningkat dalam kalangan rakyat Malaysia daripada 9.3 bilion transaksi pada tahun 2022 kepada 11.5 bilion pada tahun 2023.

BNM terus mencatatkan kemajuan yang memuaskan dalam mencapai sasaran Pelan Sektor Kewangan iaitu lebih daripada 15% pertumbuhan tahunan terkompaun bagi transaksi e-pembayaran per kapita antara tahun 2022 dan 2026. Hal ini berikutan pertumbuhan e-pembayaran sebanyak 20% kepada 343 transaksi per kapita pada tahun 2023 (2022: 285). Pertumbuhan e-pembayaran telah disokong oleh aktiviti penggunaan dengan jumlah nilai transaksi e-pembayaran runcit terpilih[2] meningkat sebanyak 17% sehingga mencecah RM592 bilion. Hal ini dilengkapkan dengan usaha kolektif sektor awam dan swasta bagi meningkatkan penggunaan e-pembayaran.

Perkhidmatan pemindahan kredit[3] membentuk bahagian terbesar transaksi e-pembayaran, iaitu sebanyak 43%. Antara pelbagai perkhidmatan pemindahan kredit yang ditawarkan, DuitNow Transfer tetap menjadi pilihan utama, dengan kadar pertumbuhan tahunan yang kekal tinggi sebanyak 32% (2022: 26%) dan memegang 39% bahagian pasaran perkhidmatan pemindahan kredit.

Pada tahun 2023, transaksi wang elektronik (e-wang) meningkat sebanyak 26%, dengan 59% transaksi daripada penggunaan e-dompet, dan selebihnya daripada e-wang berasaskan kad. Selari dengan penggunaan e-wang yang meluas untuk pembayaran tol atau transit yang bernilai kecil, saiz purata transaksi e-wang kekal rendah iaitu sekitar RM27.

Transaksi kad debit membentuk 66% daripada jumlah transaksi kad pembayaran selepas mengatasi transaksi kad kredit buat pertama kalinya semasa pandemik pada tahun 2020. Pada tahun 2023, penggunaan kad debit mencatatkan pertumbuhan sebanyak 33%, iaitu dua kali ganda lebih tinggi berbanding kad kredit (15%). Pembayaran menggunakan kad tanpa sentuh juga

[1] Perkhidmatan MSB termasuk perkhidmatan kiriman wang, pengurupan wang dan mata wang borong.

[2] Termasuk transaksi e-pembayaran seperti transaksi pembelian menggunakan kad pembayaran dan e-wang serta transaksi Financial Process Exchange (FPX). FPX lazimnya digunakan untuk pembelian e-dagang.

[3] Perkhidmatan pemindahan kredit merujuk sistem pembayaran yang memudahkan pemindahan dana antara akaun, seperti DuitNow Transfer, Interbank GIRO, pemindahan pihak ketiga Real Time Electronic Transfer of Funds and Securities System (RENTAS) dan pindahan dalam bank.

Gambar Rajah 1: Petikan Pembayaran Digital dan Perniagaan Perkhidmatan Wang



Sumber: Bank Negara Malaysia

semakin berkembang, dicerminkan melalui peningkatan lebih dua kali ganda bahagiannya (77%) berbanding tahap sebelum pandemik (2019: 32%).

Penerimaan transaksi e-pembayaran dalam kalangan perniagaan, terutamanya dalam kalangan perusahaan bersaiz kecil, terus mencatatkan perkembangan. Khususnya, transaksi DuitNow QR telah meningkat dengan ketara sejak pengenalan perkhidmatan ini. Peningkatan ini dipacu oleh orang ramai yang sudah biasa menggunakan perkhidmatan DuitNow QR, yang menjadi pilihan utama dalam kalangan pengguna kerana mudah digunakan serta kos yang rendah bagi peniaga berbanding e-pembayaran yang lain (Lihat Rencana 'DuitNow QR: Menggalakkan Pembayaran Digital yang Inklusif').

Sebaliknya, penggunaan cek terus menurun selari dengan penggunaan e-pembayaran yang meningkat. Kini, transaksi perbankan internet yang dilakukan oleh entiti perniagaan adalah hampir 14 kali lebih banyak berbanding cek yang dikeluarkan mereka. Pada tahun 2023, sebanyak 40.9 juta cek telah dikeluarkan berbanding 46.1 juta pada tahun 2022. Pengguna utama cek masih terdiri daripada syarikat-syarikat besar, yang juga semakin beralih kepada e-pembayaran bagi sebahagian, jika tidak kesemua pembayaran mereka.

Transaksi pengurupan wang terus mencatatkan pertumbuhan kukuh (76%) untuk tahun ketiga sejak pandemik. Hal ini seiring dengan pemulihan yang berterusan dalam sektor pelancongan, yang dicerminkan melalui peningkatan dua kali ganda bilangan pelancong

yang datang ke Malaysia pada tahun 2023. Berdasarkan tinjauan terkini, BNM mendapati bahawa kira-kira 42% daripada pengurup wang berlesen telah menyediakan pilihan e-pembayaran di kaunter mereka. Sebilangan pengurup wang berlesen juga telah memperkenalkan kad pelbagai mata wang sebagai salah satu daripada produk yang ditawarkan mereka. Pengiriman wang keluar juga secara keseluruhannya meningkat sebanyak 20% kepada RM34.2 bilion, selaras dengan pemulihan pasca pandemik dalam sektor-sektor ekonomi seperti pembinaan dan pertanian, yang menggunakan khidmat ramai pekerja asing. Perkhidmatan e-pengiriman wang yang ditawarkan oleh penyedia perkhidmatan kiriman wang bukan bank berlesen, terus berkembang pada tahun 2023 sebanyak 11% kepada RM14.1 bilion.

Keutamaan pada Tahun 2023

Bagi memajukan lagi ekosistem pembayaran, BNM memberikan tumpuan pada tiga teras keutamaan seperti yang disimpulkan dalam Gambar Rajah 2.

Gambar Rajah 2: Keutamaan pada Tahun 2023

Keutamaan pada tahun 2023

Mengembangkan Jangkauan Pasaran e-Pembayaran	Memperteguh Infrastruktur Pembayaran untuk Masa Hadapan	Memelihara Keyakinan Orang Ramai
• Meningkatkan kecekapan pembayaran domestik dan rentas sempadan • Menyokong pertumbuhan ekonomi	• Meningkatkan daya tahan • Meneroka penyelesaian inovatif • Mengurangkan gangguan dan risiko yang mungkin timbul	• Memastikan keberkesanan pengurusan risiko • Memelihara integriti peserta industri pembayaran dan MSB • Mengurangkan risiko penipuan kewangan
Inisiatif dan hasil utama		
✓ 3 jalinan pembayaran dengan Singapura, Thailand dan Indonesia ✓ Mengetengahkan pembayaran QR sebagai pilihan yang berdaya maju bagi perniagaan kecil	✓ Peralihan kepada ISO 20022 terus berjalan lancar ✓ Penglibatan dalam Projek Mandala dan pembuktian konsep mata wang bank pusat *(central bank digital currency*, CBDC)	✓ Langkah-langkah penyeliaan yang berterusan untuk memastikan keteguhan kawalan pengurusan risiko RENTAS dan PayNet ✓ Penambahbaikan kawalselia (contohnya meningkatkan kawalan keselamatan siber pengendali) ✓ Keperluan e-KYC diperkukuh

Sumber: Bank Negara Malaysia

Mengembangkan Jangkauan Pasaran e-Pembayaran

Memacu penggunaan pembayaran digital
BNM terus mempertingkatkan penggunaan e-pembayaran di Malaysia melalui inisiatif e-Duit. Secara keseluruhan, terdapat lebih 110 program berkaitan dengan e-Duit yang dianjurkan di seluruh negara. Kebanyakan program ini dianjurkan dengan kerjasama Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. (PayNet) dan industri kewangan. Pada tahun 2023, BNM memberikan tumpuan pada usaha untuk meluaskan inisiatif ini ke kawasan luar bandar melalui program e-Duit Desa.

Sepanjang tahun 2023, BNM menyokong inisiatif yang diterajui sektor awam untuk memacu pendigitalan yang lebih meluas dalam sektor ekonomi. Ini termasuk memberikan khidmat nasihat dan sokongan teknikal bagi melancarkan program pemindahan tunai Kerajaan melalui e-dompet (inisiatif e-Madani) dan sistem pembayaran tol terbuka. BNM juga terus menyokong usaha berterusan untuk menggalakkan penggunaan e-pembayaran yang lebih meluas dalam kalangan agensi kerajaan pada peringkat Persekutuan dan negeri. Sebagai contoh, BNM bekerjasama dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia untuk menamatkan caj tambahan ke atas pembayaran cukai pendapatan melalui saluran e-pembayaran.

DuitNow QR kini semakin popular dalam kalangan perniagaan. Dalam tempoh empat tahun sejak perkhidmatan ini diperkenalkan, jumlah pendaftaran DuitNow QR kini lebih daripada dua kali ganda bilangan terminal semasa jualan (*point-of-sale*, POS) (2023: 2 juta pendaftaran kod QR dan 875,504 terminal POS). Menyedari permintaan yang tinggi ini, BNM akan terus memastikan sistem pembayaran di Malaysia mampu memenuhi keperluan segmen peniaga yang berbeza.





Program e-Duit yang dianjurkan oleh industri dengan kerjasama BNM

DuitNow QR: Menggalakkan Pembayaran Digital yang Inklusif

Bayangkan senario ini:

Pada suatu hari yang biasa di sebuah warung tepi jalan, para pelanggan berbaris dan sabar menunggu giliran untuk membeli nasi campur kegemaran mereka. Mak cik pemilik warung dengan tekun menyediakan setiap pesanan pelanggannya. Tiba-tiba, ada seorang pelanggan yang kelihatan resah kerana tersedar bahawa dia terlupa membawa dompetnya. Tanpa berlengah, mak cik itu menunjukkan kod DuitNow QR ikonik berwarna merah jambu yang dipamerkan pada papan tanda. Dengan sekali imbas sahaja, pelanggan tersebut terus membayar bil dan dapat menikmati hidangannya tanpa bimbang lagi.



Sumber: PayNet

Senario ini hanyalah salah satu contoh bagaimana pendigitalan telah menjadi lumrah dalam kegiatan ekonomi di Malaysia. Perkhidmatan pembayaran elektronik (e-pembayaran), seperti DuitNow QR adalah mudah diakses, berkos rendah dan senang digunakan. Perkhidmatan e-pembayaran ini membolehkan seluruh ekosistem termasuk perniagaan mikro dan kecil untuk lebih bersedia beroperasi secara digital bagi menjalankan transaksi perniagaan dengan lebih lancar. Yang penting, pendigitalan dapat membantu pemilik perniagaan kecil, seperti mak cik dalam senario di atas, mengelakkan daripada pengendalian wang tunai yang melecehkan dan berisiko. Apabila kebanyakan pelanggan mak cik itu membayar menggunakan DuitNow QR, jumlah wang tunai yang perlu dikendalikan dan dibawa bersama oleh mak cik tersebut semakin sedikit. Hal ini juga mengurangkan kekerapan mak cik itu untuk pergi ke cawangan bank atau mencari mesin deposit tunai bagi menyimpan pendapatannya lantas turut mengurangkan risiko kecurian.

Peningkatan transaksi pembayaran DuitNow QR yang ketara pada tahun 2023

Sejak rangkaian pembayaran DuitNow QR[1] dilancarkan pada tahun 2019 oleh Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. (PayNet), perkhidmatan ini terus menggalakkan ekosistem pembayaran yang lebih inklusif dengan penyertaan yang lebih pelbagai daripada 40 peserta bank dan bukan bank untuk memenuhi keperluan segmen pasaran yang berbeza. Pada tahun 2023 sahaja, pertumbuhan tahun ke tahun transaksi DuitNow QR meningkat lebih dua kali ganda kepada 360 juta transaksi bernilai RM14.6 bilion (2022: 125 juta transaksi berjumlah RM5.5 bilion). Pertumbuhan yang kukuh ini disokong oleh kadar penembusan telefon pintar yang tinggi sekitar 95%[2] dan capaian Internet sekitar 97%[3] dalam kalangan rakyat Malaysia. Hasilnya, terdapat peningkatan yang stabil dalam jumlah keseluruhan e-pembayaran per kapita (Gambar Rajah 1) dan tempat penerimaan DuitNow QR oleh peniaga di seluruh negara (Gambar Rajah 2).

[1] DuitNow QR ialah sebahagian daripada infrastruktur yang dikongsi untuk pembayaran runcit (iaitu Platform Pembayaran Runcit Masa Nyata (Real-time Retail Payments Platform, RPP)). RPP membolehkan peserta industri mengumpulkan sumber dan berkongsi kos untuk pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur tersebut dan pada masa yang sama bersaing pada peringkat produk untuk terus memberikan khidmat yang lebih baik kepada pengguna.

[2] Berdasarkan Hand Phone Users Survey 2021 yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, kadar penembusan untuk pengguna telefon pintar di Malaysia pada tahun 2021 adalah pada 94.8%. Sementara itu, 41% responden telah menggunakan aplikasi pembayaran mudah alih sebagai alternatif kepada kaedah pembayaran tradisional.

[3] Berdasarkan Laporan Penutup Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA), 96.9% daripada kawasan berpenduduk di Malaysia mempunyai akses kepada rangkaian 4G setakat 31 Disember 2022.

Gambar Rajah 1: Transaksi e-Pembayaran yang Dibuat Secara per Kapita



Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 2: Bilangan Kod DuitNow QR Berdaftar



Sumber: PayNet

Penyediaan yang mudah dan berkesan dari segi kos menggalakkan penggunaan DuitNow QR secara lebih meluas

DuitNow QR direka bentuk untuk memudahkan transaksi pembayaran merentas pelbagai e-dompet berbeza, yang dikeluarkan oleh bank dan bukan bank. Sistem saling boleh kendali ini memberikan kemudahan dan pilihan yang lebih banyak kepada peniaga dan pengguna. Keadaan ini memupuk persaingan dalam kalangan penyedia e-dompet untuk memacu penawaran produk inovatif kepada pelbagai segmen peniaga. DuitNow QR juga direka bentuk sebagai kaedah pembayaran yang lebih berkesan dari segi kos, berbanding dengan pilihan pembayaran lain seperti tunai atau kad pembayaran. Sebagai contoh, penggunaan pembayaran kod QR tidak memerlukan peniaga menanggung kos sewa bulanan terminal semasa jualan (*point-of-sale*, POS)[4] yang lazimnya diperlukan untuk penerimaan kad pembayaran. Secara kolektif, faktor-faktor ini mengurangkan halangan penerimaan e-pembayaran dalam kalangan peniaga, terutamanya peniaga lebih kecil (Gambar Rajah 3). Hal ini seterusnya menggalakkan penggunaan e-pembayaran yang lebih meluas dengan merentasi langkah terakhir dalam penerimaan e-pembayaran.

Gambar Rajah 3: Ciri Utama DuitNow QR

Ciri Utama	Penerangan
Saling boleh kendali[5]	• Para peniaga boleh menerima pembayaran daripada pelanggan menggunakan akaun e-dompet yang berbeza melalui kod QR yang seragam, iaitu DuitNow QR. *Contoh: Peniaga yang mempunyai akaun e-dompet jenama A boleh menerima pembayaran daripada pelanggan mereka yang mempunyai e-dompet jenama B.*
Kecekapan dari segi kos	• Kadar diskaun peniaga (Merchant Discount Rate, MDR)[6] yang bersamaan atau lebih rendah daripada kadar yang dikenakan ke atas kad debit domestik (MyDebit). • Peniaga dapat menjimatkan kos-kos intrinsik berkaitan pengurusan wang tunai atau pembayaran menggunakan kad.
Inklusif	• Semua peniaga tanpa mengira saiz, mempunyai akses kepada pelbagai penyedia perkhidmatan pembayaran yang menyertai ekosistem DuitNow QR.

Sumber: Bank Negara Malaysia

[4] Hal ini merujuk peniaga yang menggunakan kod QR statik, iaitu kod QR tetap yang dipamerkan oleh peniaga untuk pelanggan mengimbas kod dan membuat pembayaran. Penyelesaian DuitNow QR juga menawarkan kod QR dinamik yang membolehkan peniaga menjana kod QR yang disepadukan dengan sistem pengurusan jualan dan inventori perniagaan secara automatik untuk penjejakan transaksi yang lebih mudah. Penyelesaian DuitNow QR yang dinamik memerlukan terminal POS untuk beroperasi dan kebanyakannya digunakan oleh peniaga lebih besar.

[5] Di bawah Rangka Kerja Pemindahan Kredit Saling Boleh Kendali, bank dan bukan bank diberikan mandat untuk menyertai infrastruktur bayaran yang dikongsi bersama sama ada secara langsung atau tidak langsung (iaitu RPP) bagi membolehkan akses yang lebih besar kepada perkhidmatan e-pembayaran.

[6] MDR ialah fi lazim yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan e-pembayaran dan dicaj berdasarkan nilai transaksi e-pembayaran tersebut. MDR bertujuan untuk menampung kos dan pelaburan yang diperlukan oleh industri untuk penyenggaraan sistem pembayaran mereka. Hal ini bagi mengekalkan standard perkhidmatan dan keselamatan yang tinggi untuk perkhidmatan e-pembayaran.

Mengekalkan kebolehpercayaan terhadap infrastruktur DuitNow QR memerlukan kos dan pelaburan

Bagi mana-mana infrastruktur pembayaran, memastikan keselamatan, kekukuhan dan kebolehpercayaan sistem pembayaran adalah sangat penting. Hal ini memerlukan pelaburan yang berterusan, terutamanya untuk memperkukuhkan keselamatan siber dan kawalan pencegahan penipuan. Adalah amat penting kawalan ini memiliki piawaian yang tinggi untuk menyediakan perlindungan terhadap ancaman terkini dan pada masa yang sama memastikan perkhidmatan yang cekap kepada pengguna.

Pada peringkat awal pelaksanaan DuitNow QR, PayNet dan industri memberikan pengecualian sementara terhadap fi transaksi DuitNow QR[7] kepada penyedia perkhidmatan DuitNow QR sebagai sebahagian daripada usaha untuk membiasakan orang ramai dengan pembayaran DuitNow QR serta menggalakkan penggunaannya. Hal ini seterusnya membolehkan kebanyakan peniaga mengambil manfaat daripada caj MDR sifar. Pengecualian ini, yang sepatutnya ditamatkan pada tahun 2022, telah dilanjutkan setahun lagi untuk memberikan sokongan kepada peniaga semasa tempoh pemulihan selepas pandemik.

Model penentuan harga akan dikaji secara berkala bagi memastikan kemampanan jangka panjang ekosistem DuitNow QR

Gambar Rajah 4: Pengaturan Perkongsian Kos dalam Ekosistem DuitNow QR



Sumber: Bank Negara Malaysia

[7] Merujuk fi pertukaran (*interchange fee*) dan fi perkhidmatan skim (*switching fee*) yang perlu dibayar oleh penyedia perkhidmatan pembayaran kepada pengeluar dan PayNet, masing-masing dalam ekosistem DuitNow QR.

Dengan kegiatan ekonomi kembali normal, pihak industri dengan rundingan bersama BNM telah memperkenalkan model yang lebih mampan untuk menampung semula kos berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan pembayaran DuitNow QR. Model ini akan memastikan ekosistem pembayaran kekal selamat dan boleh dipercayai untuk pengguna menerusi pelaburan berterusan yang diperlukan untuk menyelenggara infrastruktur pembayaran. Hal ini termasuk pelaburan dalam langkah-langkah untuk menangani ancaman kepada keselamatan siber dan penipuan yang terus berkembang. Model komersial jangka panjang untuk DuitNow QR mengimbangi keperluan ini dengan mengekalkan akses kepada perkhidmatan DuitNow QR pada kos yang serendah mungkin untuk peniaga lebih kecil.

Model yang ditunjukkan dalam Gambar Rajah 4 menerapkan pendekatan berperingkat untuk fi transaksi DuitNow QR. Mengikut pengaturan ini, peniaga lebih besar yang lazimnya memiliki keupayaan kewangan lebih tinggi akan menanggung sebahagian kos dalam bentuk MDR untuk mengakses perkhidmatan DuitNow QR. Peniaga sedemikian mempunyai kemampuan untuk menyerap kos berkaitan dan berunding untuk mendapatkan terma penentuan harga lebih baik dengan penyedia pembayaran. Peniaga lebih kecil dapat menikmati MDR pilihan yang akan dikekalkan pada paras yang rendah, sekali gus memastikan bahawa semua peniaga, besar dan kecil, akan terus mempunyai akses kepada DuitNow QR pada harga yang berpatutan. Yang penting, pembayaran DuitNow QR akan terus menjadi pilihan pembayaran kos yang lebih rendah berbanding dengan e-pembayaran lain. Pengguna akan terus membayar harga yang sama untuk barangan dan perkhidmatan tidak kira sama ada membuat pembayaran secara tunai atau DuitNow QR.

Pengaturan ini konsisten dengan matlamat BNM untuk menyokong penerimaan e-pembayaran secara meluas di Malaysia menerusi ekosistem pembayaran yang kukuh, selamat dan inklusif serta mampan bagi tempoh jangka panjang.

Pembayaran rentas sempadan yang lebih pantas, murah dan mudah

Pada tahun 2023, BNM mempergiat usaha untuk mewujudkan pembayaran rentas sempadan yang lebih pantas, murah dan mudah. Inisiatif ini sejajar dengan sasaran global yang ditetapkan di bawah Group of 20 (G20) Roadmap for Enhancing Cross-border Payments.[4] Kemajuan ketara telah dicapai untuk menghubungkan sistem pembayaran segera (instant payment system, IPS) Malaysia dengan IPS lain di rantau ini (Gambar Rajah 3).

Rangkaian pembayaran rentas sempadan masa nyata dengan Singapura, meliputi pembayaran QR dan pemindahan dana individu ke individu (person-to-person, P2P), telah masing-masing dilancarkan pada Mac 2023 dan November 2023. Rangkaian ini melengkapkan jalinan pembayaran QR yang sedia ada dengan Thailand dan Indonesia, yang masing-masing dilancarkan lebih awal pada tahun 2021 dan awal tahun 2022. Ketiga-tiga jalinan itu membolehkan pelanggan bank dan juga bukan bank peserta yang melancong ke negara-negara ini untuk

Gambar Rajah 3: Jalinan Pembayaran Dua Hala dengan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia



Pelancaran jalinan pemindahan dana P2P masa nyata rentas sempadan antara Malaysia dengan Singapura di Festival Fintech Singapura 2023

[4] Pelan Hala Tuju G20 adalah sebahagian daripada inisiatif Lembaga Kestabilan Kewangan (Financial Stability Board, FSB) untuk mengenal pasti bidang yang memerlukan tindakan lanjut untuk menambah baik pembayaran rentas sempadan dan menghapuskan halangan yang tidak perlu.



Festival QR4Food yang dihoskan oleh BNM semasa Simposium Sasana 2023

membuat bayaran kepada peniaga yang menerima pembayaran kod QR. Sementara itu, pelancong dari negara-negara ini yang datang ke Malaysia boleh mendapat akses untuk membuat bayaran di hampir dua juta tempat penerimaan DuitNow QR yang berdaftar di Malaysia. Pada tahun 2023, kira-kira 674,000 transaksi bernilai RM59 juta dilakukan melalui jalinan ini. Pengguna juga memperoleh manfaat daripada kadar pertukaran yang kompetitif serta cara penggunaan yang serupa dan senang, kerana kaedah pembayaran ini mencerminkan penggunaan pembayaran domestik.

Satu lagi inisiatif utama untuk meningkatkan kecekapan pembayaran rentas sempadan melibatkan pembangunan model rangkaian pembayaran pelbagai hala boleh skala[5] di bawah Project Nexus. Pada tahun 2023, BNM bekerjasama dengan Bank for International Settlements Innovation Hub (BISIH) Singapore Centre dan bank pusat dari Indonesia, Filipina, Singapura dan Thailand, untuk memulakan fasa peralihan Projek Nexus (Fasa 3). Fasa 3 ini akan memberikan hala tuju pelaksanaan yang jelas dan lebih terperinci untuk membantu membawa Nexus ke fasa operasi. Pelan hala tuju ini akan merangkumi susunan tadbir urus, model perniagaan, spesifikasi teknikal gerbang Nexus dan pengaturan pengawasan bersama yang sesuai untuk memastikan jalinan pelbagai hala ini kekal selamat dan berdaya tahan. Fasa Projek Nexus seterusnya (Fasa 4) adalah untuk melaksanakan pengaturan ini, dan dijangka bermula pada tahun 2024.

Memperteguh Infrastruktur Pembayaran Utama untuk Masa Hadapan

BNM sedang melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memodenkan infrastruktur pembayaran Malaysia supaya seiring dengan perkembangan baharu (Gambar Rajah 4).

[5] Untuk butiran lanjut, rujuk rencana 'Jalinan Pembayaran Rentas Sempadan – Projek Nexus dan Usaha ke Arah Pendekatan Pelbagai Hala'.

Gambar Rajah 4: Inisiatif Utama untuk Memperbaharui Infrastruktur Pembayaran di Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 5: Kemajuan pada Peralihan ISO 20022



Sumber: Bank Negara Malaysia

Penggunaan standard pemesejan yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa, ISO 20022, dalam kalangan peserta sektor kewangan akan meraih banyak manfaat. Bagi ekosistem pembayaran, standard ini akan meningkatkan kecekapan infrastruktur pembayaran. Bagi peserta pasaran, standard ini akan memperkukuh lagi keupayaan pengurusan risiko mereka. Bagi pengguna pula, standard ini akan membolehkan pelanggan mendapat manfaat daripada perkhidmatan nilai tambah seperti butiran transaksi yang lebih telus dan alat pengurusan wang tunai yang canggih yang kini boleh ditawarkan oleh peserta industri dengan pelaksanaan ISO 20022. Sehingga kini, industri kewangan mencatatkan kemajuan yang memuaskan dalam peralihan sepenuhnya kepada standard pemesejan ISO 20022 baharu[6] untuk pembayaran dalam negeri dan rentas sempadan (Gambar Rajah 5).

Pada tahun 2023, BNM meneruskan pelan untuk memodenkan RENTAS. Bagi tujuan ini, beberapa bidang tumpuan utama telah dikenal pasti untuk mendapatkan maklum balas industri melalui kertas perbincangan yang dikeluarkan oleh BNM. Bidang utama yang akan dikaji oleh BNM termasuk menyokong operasi hampir 24/7, akses peserta yang lebih luas kepada RENTAS, penambahbaikan keupayaan perkongsian dan analisis data serta mekanisme pengurusan mudah tunai yang lebih berkesan dalam RENTAS.

Membentuk masa hadapan infrastruktur pembayaran

BNM juga terlibat secara aktif dalam Projek Mandala. Projek ini meneroka penggunaan teknologi dalam memudahkan pematuhan terhadap keperluan dasar dan pengawalseliaan seperti keperluan pertukaran asing. Hal ini dilakukan dengan mengautomasikan prosedur pematuhan, menyediakan pemantauan transaksi secara masa nyata dan meningkatkan ketelusan berhubung dengan dasar khusus sesebuah negara. Projek ini diterajui oleh BISIH Singapore Centre bersama-sama dengan BNM dan rakan bank pusat dan institusi kewangan dari Australia, Korea Selatan dan Singapura.

Kes penggunaan pertama Projek Mandala mengkaji potensi untuk memudahkan proses pematuhan pemberian pinjaman rentas sempadan daripada entiti di Singapura kepada entiti di Malaysia dengan mengekodkan dasar pematuhan dan keperluan pengawalseliaan ke dalam satu protokol bersama. Pasukan projek telah membangunkan penyelesaian yang membolehkan pemeriksaan sekatan dan semakan pematuhan terhadap langkah pengurusan aliran modal dilakukan secara serentak sebelum pembayaran pinjaman.

Memudahkan inovasi yang bertanggungjawab sambil menguruskan risiko baru muncul

Aset digital telah menjadi semakin popular sebagai satu kelas aset. Untuk tujuan ini, Hab Penyelidikan Mata Wang Digital BNM memantau dengan teliti perkembangan ruang ini dan memberi tumpuan kepada dua bidang utama pada tahun 2023. Pertama, memantau perkembangan bagi menilai kesan kepada mandat kestabilan kewangan dan monetari BNM serta memperkukuh keupayaan pengawasan utama. Kedua, menggalakkan inovasi yang bertanggungjawab melalui libat urus dengan pihak-pihak yang berkaitan dan penyertaan BNM dalam projek CBDC.

Penilaian Bank menunjukkan bahawa kesan aset digital kepada sistem kewangan kekal terhad. BNM juga telah mempertingkatkan keupayaan pengawasan untuk menyokong usaha ini, termasuk dengan bekerjasama rapat dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Securities Commission Malaysia, SC) untuk mengenal pasti dan menangani sebarang risiko kepada kestabilan kewangan yang mungkin timbul daripada perkembangan sekitar aktiviti pasaran aset digital. Hal ini termasuk usaha berterusan untuk mengukuhkan pengaturan perkongsian data antara kedua-dua institusi. Berikutan ciri aset digital yang merentas sempadan, BNM terus mengambil bahagian dalam usaha kerjasama dua hala dan antarabangsa bagi memahami dengan lebih baik dan memantau perkembangan global sekitar aktiviti aset digital.

Pada tahun 2023, BNM juga terus mengkaji potensi CBDC, terutamanya untuk menambah baik pembayaran rentas sempadan. Penerokaan ke atas CBDC borong domestik diteruskan pada tahun 2023 dan dijangka akan terus dipergiat pada tahun 2024. BNM juga mengkaji pelbagai potensi kes penggunaan bagi aset digital dan pentokenan aset (asset tokenisation). Selari dengan perkembangan aset digital, BNM juga komited untuk memastikan penglibatan sektor kewangan Malaysia dalam aktiviti aset digital diuruskan dengan bertanggungjawab, disokong oleh pemahaman yang jelas berkenaan bagaimana aktiviti tersebut dapat mengurangkan atau meningkatkan risiko kewangan dan

[6] ISO 20022 merupakan standard pemesejan yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa untuk industri kewangan dengan kandungan data yang dipertingkat dan format pemesejan berstruktur. Untuk maklumat lanjut sila rujuk Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2020 dan video pengenalan (https://www.iso20022.org/about-iso-20022).

operasi. Walaupun institusi kewangan telah menunjukkan keterbukaan untuk meneroka potensi aktiviti berkaitan aset digital dan teknologi lejar teragih (distributed ledger technology, DLT), tumpuan semasa mereka masih terhad kepada penyediaan perkhidmatan tradisional seperti khidmat pembayaran, akaun deposit dan akaun amanah kepada peserta aset digital.

Memelihara Daya Tahan dan Integriti Sistem Pembayaran

BNM kekal fokus dalam usaha untuk menggalakkan amalan pengurusan risiko yang mantap dan melindungi daya tahan infrastruktur sistem pembayaran yang sangat penting, seperti RENTAS dan sistem pembayaran runcit. Pada tahun 2023, RENTAS dan sistem pembayaran runcit utama kekal berdaya tahan. Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memastikan daya tahan infrastruktur pembayaran utama, usaha penyeliaan tertumpu pada beberapa bidang utama. Hal ini termasuk kawalan pengurusan risiko dan pengaturan tadbir urus RENTAS serta keberkesanan amalan pengurusan data oleh PayNet. Sehubungan dengan penilaian dan penyeliaan BNM, penambahbaikan telah dilaksanakan untuk mengukuhkan bidang-bidang tumpuan ini.

Selain itu, BNM turut melaksanakan beberapa inisiatif untuk memelihara integriti sistem pembayaran daripada disalahgunakan bagi tujuan haram. Ini termasuk sesi libat urus berterusan dengan penyedia perkhidmatan pembayaran bagi mengukuhkan amalan pengurusan risiko. BNM juga mengukuhkan keperluan bagi Kaedah Kenali Pelanggan Anda Menerusi Platform Digital (*electronic Know-Your-Customer*, e-KYC) dengan tujuan untuk meningkatkan kualiti dan keberkesanan penyelesaian e-KYC. Bagi menyokong pemantauan risiko pengeluar e-wang bukan bank dan pemegang lesen MSB, BNM meningkatkan keupayaan penyeliaan dengan memperluaskan penggunaan penganalisisan data. Dengan memanfaatkan pembelajaran mesin dan kecerdasan buatan, BNM dapat mengenal pasti potensi kelemahan dan mengesan ketidakteraturan pada peringkat entiti dengan lebih baik.

BNM kekal komited sepenuhnya untuk membanteras penipuan dalam talian serta memastikan kawalan keselamatan institusi kewangan kekal teguh. Memandangkan semua pihak dalam ekosistem perlu memainkan peranan penting dalam memerangi jenayah penipuan, BNM telah melaksanakan pendekatan yang menyeluruh untuk menyokong usaha ini dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Pendekatan menyeluruh ini telah memberikan tumpuan pada aspek pencegahan, penguatkuasaan dan pemulihan serta kesedaran pengguna (Gambar Rajah 6).

Pada tahun 2023, BNM telah memulakan kajian semula dasar yang sedia ada bagi memperkukuh amalan industri kewangan dalam pengurusan kes-kes penipuan bagi memastikan layanan adil terhadap mangsa penipuan. Hal ini dapat dicapai dengan memastikan proses penyiasatan kes penipuan yang lebih telus, menyeluruh dan dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang wajar. Industri juga memulakan usaha bagi mewujudkan protokol untuk melaporkan dan mengendalikan akaun keldai. Protokol ini menggariskan prosedur dan kriteria untuk institusi kewangan mengkategorikan dan berkongsi maklumat mengenai akaun keldai antara institusi kewangan.

Langkah Selanjutnya

Pada tahun 2024, BNM akan terus berusaha untuk memastikan perkhidmatan pembayaran dan MSB di Malaysia kekal selamat, cekap dan boleh dipercayai dalam menyokong keperluan ekonomi. Bagi mencapai matlamat ini, BNM akan terus mengenal pasti dan menangani risiko yang muncul, serta menyokong usaha-usaha bagi meningkatkan penggunaan e-pembayaran dengan lebih meluas. BNM juga akan bekerjasama rapat dengan pihak berkepentingan dari sektor awam dan swasta untuk memelihara keyakinan orang ramai dan menggalakkan inovasi yang bertanggungjawab.

BNM juga terus berdedikasi untuk memperteguh infrastruktur pembayaran domestik untuk masa hadapan selaras dengan aspirasi dalam Pelan Sektor Kewangan BNM. Hal ini bagi memastikan sistem pembayaran responsif kepada keperluan semasa sistem kewangan dan ekonomi secara lebih menyeluruh. Usaha ini termasuk mempergiat kajian mengenai CBDC dan pentokenan aset serta menggunakan teknologi baru muncul seperti DLT dalam sistem kewangan.

Gambar Rajah 6: Pendekatan Tiga Penjuru untuk Membanteras Penipuan Kewangan



[1] Lihat rencana 'Jom Berdigital dengan Yakin', Laporan Tahunan 2022 untuk maklumat lanjut berkenaan amalan keselamatan siber yang baik

Sumber: Bank Negara Malaysia